

13 MAY 1999
RAFIDAH-R&D
TAHAP HUBUNGAN R&D MASIH RENDAH, KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Interaksi antara sektor swasta dan institusi-insstitusi penyelidikan tempatan dan universiti-universiti di bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) masih lagi pada tahap rendah, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Menurut kajiselidik yang dibuat oleh Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia pada 1996 ke atas 158 syarikat milik persendirian, daripada RM400 juta yang dilabur di dalam R&D, hanya 0.4 peratus telah diberikan kepada universiti-universiti dan institusi-institusi penyelidikan.

Beliau berkata ini tidak seperti keadaan di negara-negara lain, seperti Amerika Syarikat, di mana sokongna sektor swasta untuk institusi pengajian tinggi di dalam R&D telah meningkat dari empat peratus kepada tujuh peratus di antara 1980 dan 1995.

Rafidah bercakap pada pelancaran Majlis Perniagaan Taman Teknologi Tinggi Kulim di sini hari ini.

Pembentukan majlis perniagaan itu, antara lain, adalah untuk membantu perumusan garis panduan dan penubuhan rantian yang berkesan untuk menggalakkan lagi keupayaan tempatan dan penyertaan di dalam industri-industri berteknologi tinggi.

Rafidah menyatakan harapan bahawa majlis perniagaan itu boleh mengujudkan rantaian lebih besar antara syarikat-syarikat beroperasi di taman itu dan universiti-universiti tempatan dan institusi-institusi penyelidikan di bidang R&D.

"Kita harap majlis perniagaan ini boleh menjadi jentera untuk mendorong kerja R&D dan membolehkan syarikat-syarikat di Taman Teknologi Tinggi Kulim menggunakan kemudahan-kemudahan di dalam universiti-universiti kita dan penyelidikan di tempat-tempat itu," katanya.

Mengenai Kulim Hi-Tech Park, Rafidah berkata di antara 1994 dan Mac 1999, 25 projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM13,288.3 juta.

Kemudahan itu, digelar sebagai "Bandar Sains masa depan", adalah taman teknologi tinggi pertama di Malaysia berasaskan kepada ide yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1989.

Matlamat masa depannya adalah untuk menerajui pembangunan pengindustrian nilai ditambah tinggi dan aktiviti-aktiviti penyelidikan di negara ini.

Pelabur-pelabur asing merupakan sebahagian besar pelaburan dengan RM11,281.6 juta atau 84.9 peratus manakala para usahawan tempatan merupakan RM2,006.7 juta atau 15.1 peratus, kata beliau.

Pelabur-pelabur dari AS, Jepun dan Switzerland mengambil sebahagian besar daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan, menyumbang 77.2 peratus atau RM8,708.2 juta, tambah Rafidah.

Di antara 1994 dan Mac taun ini, Rafidah berkata 34 projek telah diluluskan di Malaysia dengan galakan bagi industri-industri berteknologi tinggi, dengan pelaburan berjumlah RM2,235.8 juta.

Daripada jumlah itu, pelaburan asing berjumlah RM1,841.9 juta manakala pelabur-pelabur tempatan melabur RM393.9 juta.

Dari 1992 hingga Mac tahun ini, 24 projek strategik diluluskan, dengan pelaburan berjumlah RM15,608.9 juta - pelaburan asing sebanyak RM11,484.5 juta dan pelaburan tempatan RM4,124.4 juta.

Anggota-anggota Majlis Perniagaan Taman Teknologi Tinggi Kulim terdiri daripada wakil-wakil daripada kerajaan negeri dan persekutuan dan sektor

swasta. Pengerusinya ialah Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid dan Sekretariat diketuai oleh Ahmad Shukri Tajuddin, pengarah urusan Kulim Technology Park Corporation Sdn Bhd.

-- BERNAMA

LES LPS OS